

'Kami terseksa'

Penduduk Apartmen Semarak tak sanggup hidu bau busuk



Penduduk tidak sanggup lagi menghidu bau busuk dari parit berhampiran pangsapuri mereka setiap hari.

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

DENGKIL – Bau busuk dari kawasan parit di belakang Apartmen Semarak di Taman Putra Perdana, terpaksa dihidu kira-kira 500 penduduk sejak dua bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Apartmen Semarak, Adnan Ali berkata, bau yang meloyakan itu lebih ketara sejak sebulan lalu dan lebih serius apabila hujan lebat.

“Penduduk syak air di parit itu berbau kerana mengalirkan hasil sisa sampah kira-kira 600 meter dari pangsapuri itu.

“Buktinya, dahulu air di parit itu jernih tapi sekarang sudah bertukar hitam dan berkeladak,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk, Yaakob Nordin, 60, berkata aduan pernah dibuat kepada Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Oktober lalu.



Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memberitahu sudah mengenakan tindakan dengan menyita tiga lori membawa muatan sampah di tapak pembuangan haram.

Malangnya, masalah sama terus berlanjutan dan gagal diselesaikan.

“Pembuangan sampah di tapak itu berlaku sejak empat tahun lalu, tapi keadaan menjadi buruk bila air sisa sampah dialirkan ke parit belakang pangsapuri dan kami terpaksa hidu bau busuk setiap masa.

“Akibat pencemaran parit di bawah selenggara Jabatan Perparitan Saliran (JPS) itu, semua ikan mati dan bau busuk turut dapat dihidu hampir 300 meter hingga ke kawasan ko-

mersil berdekatan,” katanya.

Turut mengundang rasa tidak selesa jemaah Surau Al Muhajirin yang menunaikan solat di surau terletak kurang 50 meter dari parit berkenaan.

Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri itu, Amirudin Mohd Yassir, 55, berkata, penduduk terpaksa menutup tingkap sepanjang masa.

Dia yang bimbang jika air terbabit mengandungi sisa toksik, meminta pihak MPSepang membersihkan tempat pembuangan sampah dan memulihkan masalah di situ.

“Dulu air parit ni bersih dan boleh mandi, sekarang nak dekat pun tak sanggup, takut air ini tercemar dan merbahaya,” katanya.